

Tema 9 Indah Seni, Endah Budaya
Tema 10 Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Hal. Buku Teks: 105 – 130

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.


BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

SP 5.1.2; 5.1.4; 5.3.1; 5.4.1; 5.2.1; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1.



Gasing-gasing itu berpusing dengan _____ sekali.

- A kalut C deras
B ligat D cepat

Sudut Bahasa

- Kata adjektif ialah perkataan yang menerangkan sifat sesuatu benda, keadaan atau perbuatan.

2. Encik Nordin _____ kayu itu dengan teliti menggunakan alat pengukur.

- A melarik C mengikis
B melorek D mengukir

3. Puan Aini mempelajari seni _____ sambitan daripada ibu dan neneknya sejak kanak-kanak.

- A tenunan
B menenun
C ditenun
D penenun

4.



Bantal _____ yang pelbagai saiz itu dihasilkan oleh Pak Cik Zahar dan isterinya.

- A kekisi
B kekabu
C lelangit
D lelayang

Soalan 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Para-para pengunjung sedang
A menyaksikan persembahan tarian
B tradisional di Karnival Kesenian dan
C Kebudayaan. Tiada kesalahan.
D

Soalan 6 – 7

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

6. I Puisi yang dihasilkan oleh Alina adalah karya *asli*.
II Orang Asli ialah penduduk *asli* Semenanjung Malaysia.
III Nenek menyediakan ramuan yang *asli* untuk membuat rendang ayam.
IV Keluarga Alicia masih mengamalkan adat *asli* nenek moyang mereka.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
7. I *Halaman* manik yang cantik ini bekas tangan nenek saya.
II Mereka sedang membuat *halaman* lagu-lagu asli di dalam bilik rakaman.
III Aktiviti mengemping padi itu diadakan di *halaman* rumah Pak Cik Ahmad.
IV Maklumat tentang pembuatan tembikar tembeling terdapat pada *halaman* 50.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 8 – 9

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

8. Robot pembersih yang rosak itu kami sudah baiki, cikgu.
A sudah kami baiki
B baiki sudah kami
C baiki kami sudah
D kami sudah baiki
9. Program Sains, Teknologi, dan Inovasi itu diadakan demi untuk melahirkan murid-murid yang celik sains.
A diadakan untuk kelahiran

- B diadakan untuk melahirkan
C diadakan untuk demi melahirkan
D diadakan demi untuk melahirkan

Soalan 10

Pilih ayat-ayat yang betul.

10. I Aiza terpaksa memakai cermin mata kerana matanya rabun.
II Penggunaan mesin yang berteknologi tinggi dapat meningkatkan pengeluaran produk.
III Borang ini perlu diserahkan ke Encik Azlan.
IV Kita harus membuat pemeriksaan kesihatan kerana mencegah lebih baik dari mengubati.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 11

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

11. Amirah akan menyertai pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan oleh Kelab Seni dan Budaya sekolah.
A Kelab Seni dan Budaya sekolah Amirah akan menyertai pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan.
B Pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan oleh Kelab Seni dan Budaya sekolah akan disertai oleh Amirah.
C Kelab Seni dan Budaya sekolah akan menyertai pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan oleh Amirah.
D Pertandingan permainan tradisional itu dianjurkan oleh Kelab Seni dan Budaya sekolah Amirah.

Soalan 12

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

12. Peribahasa yang berikut membawa maksud sikap manusia yang pelbagai ragam walaupun daripada kumpulan yang sama, **kecuali**

- A rambut sama hitam, hati lain-lain.
- B burung terbang dipipiskan lada.
- C lain dulang lain kakinya, lain orang lain hatinya.

- D banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 13 – 16 berdasarkan bahan di bawah.

Santap Istiadat

Santap beradat, santap istiadat,
Santap raja di majlis kebesaran,
Santap merai, hormat-menghormat;
Bukan santap hendakkan kenyang,
Santap santun dengan aturan.

Nasi disuap di tangan kanan,
Lauk dibinjat sopan siuman,
Sampai ke mulut mamah perlahan,
Tanda tidak gelojoh makan.
Selesai santap nasi -
Diiringkan seteguk minuman,
Isyarat menghormat, mulia-memuliakan.

Santap nasi suap pertama,
Berturut dengan suap kedua;
Dua suap, ketiga sudah,
Keempatnya basuh tangan;
Kelima halwa juadah,
Keenam mengiring buah-buahan.

Ketujuh berkumur-kumur,
Ke delapan makan siri;
Kelat jatuh ke rengkungan,
Seri naik ke peroman.

Itulah santap beradat kebesaran
Di dalam riwayat zaman yang silam.

Dipetik daripada seloka 'Santap Istiadat',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

13. Apakah tujuan santap beradat?

- A Majlis kebesaran diraja.
- B Majlis meraikan dan menghormati tetamu.
- C Majlis makan untuk kenyang.
- D Majlis makan bersama raja-raja.

14. Yang berikut merupakan bentuk seloka di atas, **kecuali**

- A seloka ini berbentuk tidak terikat.
- B seloka ini terdiri daripada empat rangkap.
- C bilangan baris pada setiap rangkap adalah tidak sama.
- D rima akhirnya bebas, iaitu rangkap 1 *abacb*, rangkap 2 *aaaabaa*, rangkap 3 *aabcbcb*, rangkap 4 *abcc*, dan rangkap 5 *ab*.

15. Yang berikut adalah tatacara dan ketertiban ketika makan, **kecuali**

- A lauk diambil secara sopan.
- B mengunyah makanan perlahan-lahan.
- C nasi disuap menggunakan tangan kanan.
- D minum air sehingga berasa kenyang.

16. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang seloka di atas?

- A Tetamu hendaklah makan juadah halwa sebelum makan nasi.
- B Santap beradat merupakan istiadat santap raja dalam majlis kebesaran.
- C Selepas makan buah-buahan, tetamu hendaklah makan siri sebelum berkumur-kumur.
- D Tetamu tidak akan dipaksa makan siri yang kelat rasanya.